

Memilih Perkataan

Latihan 1

Arahan: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai. Pilih jawapan kamu daripada senarai yang diberikan. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

kedatangan	mengucapkan	memohon
membuat	berangkat	berpindah
kesalahan	memberi	tiba
pergi	sibuk	banyak
mengadakan	mengundang	lazat

Pada malam yang lalu, Fuad bersama ayah dan ibunya telah ke rumah datuknya di Bukit Batuk. Datuknya (1) _____ majlis kenduri sempena keberangkatannya menunaikan ibadah haji. Datuknya (2) _____ ramai saudara-mara dan sahabat –handai.

Setibanya Fuad di rumah datuknya, ramai tetamu sudah pun (3) _____ lebih awal. Fuad dan ayahnya bersalaman dengan datuknya dan juga dengan tetamu-tetamu yang hadir.

Sebelum majlis itu dimulakan, datuknya memberi ucapan ringkas. "Saya mengucapkan terima kasih di atas (4) _____ saudara-saudara sekalian ke majlis ini. Tujuan saya sebenarnya untuk mengumumkan bahawa saya akan (5) _____ ke Mekah untuk menunaikan ibadah haji. Oleh itu saya mengambil kesempatan di majlis ini untuk (6) _____ ampun dan maaf jika sekiranya saya ada melakukan (7) _____ kepada saudara-saudara," kata datuk Fuad dengan nada gembira bercampur sedih.

Selesai membaca doa selamat, para tetamu diundang dengan pelbagai hidangan yang (8) _____. Fuad juga tidak ketinggalan turut menjamu selera. Selesai makan, para tetamu satu persatu bertemu dengan datuk Fuad sambil (9) _____. selamat jalan dan selamat menunaikan ibadah haji.

Sementara para tetamu bertemu datuknya, Fuad bersama ayahnya (10) _____ mengemas. Setelah semuanya selesai, Fuad bersama ayah dan ibunya bertemu datuknya. Sebelum pulang, ayahnya berjanji akan menghantar datuk di lapangan terbang.

Peribahasa

Senarai Peribahasa

	Peribahasa	Maksud / Makna
1	ada akal	<i>memiliki idea</i>
2	ada bakat	<i>berkebolehan, berkeupayaan</i>
3	ada hati	<i>ada kemahan atau keinginan atau cita-cita untuk melakukan atau memiliki sesuatu</i>
4	ada jalan	<i>mempunyai cara untuk melakukan sesuatu</i>
5	ambil berat	<ul style="list-style-type: none">• <i>memberikan perhatian atau mengumpulkan perhatian dengan serius dan teliti</i>• <i>mengambil tahu tentang sesuatu</i>
6	ambil hati	<i>berasa kecewa atau bersinggung kerana kelakuan atau perbuatan seseorang</i>
7	anak emas	<i>orang yang sangat disayangi</i>
8	baik budi	<i>berperangai baik dan mempunyai peribadi yang baik</i>
9	berat sebelah	<ul style="list-style-type: none">• <i>tidak adil</i>• <i>menyebelahi satu pihak</i>
10	besar hati	<i>merasaan bangga atau gembira terhadap sesuatu pemberian atau pertolongan</i>
11	buah tangan	<i>barang yang dibawa sebagai hadiah</i>
12	campur tangan	<i>masuk campur dalam sesuatu urusan</i>
13	cari jalan	<i>berikhtiar mengatasi masalah ataupun cari peluang meneruskan sesuatu yang dirancangkan</i>
14	hati emas	<i>sangat baik hati</i>
15	hidung tinggi	<i>sombong</i>

Peribahasa

Latihan 3

Arahan: Di bawah ini terdapat 20 senarai maksud peribahasa. Pilih maksud peribahasa yang sama dengan peribahasa yang bergaris bawah dalam cerita berikut. Kemudian tulis huruf jawapan pilihan kamu di dalam kurungan [] yang disediakan.

- | | |
|------------------------------|--|
| A sombang | K berperangai mulia dan mempunyai peribadi yang baik |
| B peramah | L bangga terhadap pertolongan yang diberi |
| C berkebolehan | M mengurangkan makan kerana hendak berjimat |
| D rajin bekerja | N mengambil tahu tentang sesuatu |
| E saling memberi | O bercita-cita atau ingin melakukan sesuatu |
| F sangat baik hati | P hadiah yang diberikan sebagai kenangan |
| G mempunyai idea | Q barang yang dibawa sebagai hadiah |
| H cepat menerima pelajaran | R orang yang sangat disayangi |
| I hati-hati apabila bercakap | S suka memberikan bantuan |
| J berikhtiar mengatasmasalah | T tidak mahu bertanggungjawab |


Sazali seorang pemuda yang (1) ringan tulang []. Dia bekerja sebagai pemandu bas pelancung. Para pelancung yang menaiki basnya sangat suka kepadanya kerana dia seorang yang (2) ringan mulut []. Dia sangat (3) mengambil berat [] ke atas setiap pelancung yang menaiki basnya. Setiap kali sebelum basnya bergerak dia pastikan tiada pelancung ketinggalan. Jika ada di antara pelancungnya terlambat, Sazali akan (4) bertolak ansur [] dan menunggu dengan sabar. Begitulah sikap orang yang (5) berhati emas []. Sazali tidak suka bersikap (6) lepas tangan []. Sungguhpun demikian ada pelancung yang (7) hidung tinggi [] dan suka

marah-marah. Jika basnya mengalami kerosakan dia akan memberi tahu mereka supaya sabar dan jangan bimbang. Dia sangat berhati-hati (8) menjaga mulut [] ketika bercakap dengan para pelancung. Pengurus syarikat bas tempat Sazali bekerja sangat sayang dan (9) berbesar hati [] kerana dengan adanya Sazali syarikatnya bertambah maju. Dia diibaratkan seperti (10) anak emas [] dalam syarikat itu. Walaupun pendapatannya tidak begitu besar, dia tetap (11) bermurah hati [] kepada orang-orang yang susah. Jika diketahui ada di antara pelancungnya yang jatuh sakit, dia akan menziarahi serta membawa (12) buahtangan []. Sebelum para pelancung yang dibawanya pulang, mereka mengucapkan terima kasih kepada Sazali kerana dia seorang yang (13) baik budi []. Ada di antara para pelancung itu yang memberinya (14) tanda mata []. Sewaktu berlaku penularan penyakit SARS bilangan pelancung yang datang berkurangan. Syarikat basnya terjejas. Sazali terpaksa (15) ikut perut [] kerana pendapatannya dikurangkan. Dia berfikir dan (16) memerluri jalan [] bagaimana caranya jika keadaan tersebut berlanjut. Akhirnya dia terfikir dan (17) ada akal [] iaitu untuk melanjutkan pelajarannya. Siang dia bekerja dan bersekolah pada waktu malam. Sazali seorang yang (18) tajam akal []. Dia (19) ada hati [] melanjutkan pelajarannya hingga ke universiti. Dia bercita-cita ingin menjadi seorang pengurus seperti majikannya. Sazali boleh mencapai cita-citanya kerana dia (20) ada bakat []. Buat masa ini dia hanya tumpukan kepada kerja dan pelajarannya.

PERIBAHASA

Latihan 4

SILANG KATA PERIBAHASA



Melintang

1. tidak tahu malu
2. barang yang dibawa sebagai hadiah
3. berperangai mulia dan mempunyai peribadi yang baik
4. memiliki idea
5. saling memberi
6. berkebolehan
7. cepat menerima pelajaran
8. rajin bekerja
9. suka memberi bantuan
10. sangat degil

Ke bawah

11. menyebelahi satu pihak
12. hadiah yang diberikan sebagai kenangan
13. tersinggung kerana kelakuan seseorang
14. keinginan memiliki sesuatu
15. memberikan perhatian dengan sepuhul hati
16. menganggap makan kerana mendak berjimat
17. melibira terhadap sesuatu pemberian
18. tidak memihak kepada sesiapa
19. jujur
20. mempunyai cara untuk melakukan sesuatu

SAMPLE

Imbuhan

1. Imbuhan Akhiran
2. Imbuhan Apitan

1. Imbuhan Akhiran

Akhiran	i	-	kasihi
	an	-	lautan
	kan	-	berikan

2. Imbuhan Apitan

Apitan	beR.....an	-	berguguran
	beR.....kan	-	berpanjukan
	ke.....an	-	kesukaan
	di.....i	-	dimesuki
	di.....kan	-	dimasukkan
	teR....kan	-	teringatkan
	meL....an	-	membaiki (me, mem, men, meng)
	meN....an	-	membersihkan (me, men, mem, meng)
	memper.....i	-	memperingati
	memper.....kan	-	mempertahankan
	peN.....an	-	pendapatan (pe, pem, pen, peng)
	peR....an	-	perpustakaan (pe, per)

SAMPLE

Latihan 3

Arahan : Bubuh imbuhan **akhiran** atau **apitan** yang sesuai kepada perkataan-perkataan yang bergaris bawah dalam ayat-ayat berikut. Tulis jawapan kamu itu di dalam kurungan [] yang disediakan.

1. Jalan dari Singapura ke Melaka mengambil masa selama dua jam.

[]

2. Semua makan yang dijual di kedai itu sedap-sedap belaka.

[]

3. Para tetamu sedang nikmat juadah yang dihidangkan.

[]

4. Setelah mayat itu dikebumikan, mereka menenggallan tanah kubur itu.

[]

5. Setiap petang Asmah pergi ke masjid untuk ikut kelas bimbingan agama.

[]

6. Kedua-dua pengantin itu diberi rai oleh saudara mara dan sahabat mereka.

[]

7. Sejak peristiwa itu Ani dan Juli tidak duduk bersama lagi mereka duduk jauh.

[]

8. Jadi tanah runtuh itu telah memusnahkan ratusan rumah dan harta benda.

[]

9. Ibunya terpaksa bekerja untuk menampung belanja keluarga yang tinggi.

[]

10. Pasukan renang Singapura giat berlatih siap diri untuk ke Sukan Asia.

[]